

11/12/1999

BN terus amalkan prinsip Islam

PUTRAJAYA, Jumaat - Kerajaan Barisan Nasional (BN) akan terus mengguna pakai prinsip Islam dalam memerintah negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita tidak pernah melanggar prinsip Islam, melakukan perkara yang bercanggah dengan prinsip Islam, dan saya ingin katakan bahawa kita akan terus dengan pendirian ini dan tidak akan melanggar prinsip Islam," katanya selepas mengumumkan Kabinet barunya di Jabatan Perdana Menteri, petang ini.

Beliau ditanya sama ada kerajaan akan menerima pakai pendekatan yang lebih bercirikan Islam dalam pentadbiran negara ekoran kejayaan Pas pada pilihan raya umum lalu.

(END)